



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 MEI 2017 (SELASA)

AKHBAR	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	
- Penduduk rayu akses baharu ke Taman Melawati	27
- TALIAN KHIDMAT	26
Harian Metro	
- "PERANG' DUA GENG REMPIT	02
Kosmo	
- 10 tahun derita banjir kilat	18
Berita Harian	
- Selangor tak serius jaya program kitar semula	12-13
Sinar Harian	
- Masih tunggu 'khabar gembira'	40
- Anjur program aktiviti untuk cari dana	40



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 MEI 2017 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk rayu akses baharu ke Taman Melawati
Muka Surat	27



▶ **PENDUDUK** mendakwa kesesakan bakal berlaku berhampiran Melawati Mall sekiranya tiada jalan alternatif dibuka untuk penduduk keluar masuk dari kawasan perumahan mereka.

PENYUSUNAN trafik masih di peringkat percubaan bagi memastikan keselesaan pengguna di laluan masuk ke Jalan Bandar, Taman Melawati, Ampang, Selangor.

MPAJ diminta kaji aliran trafik elak kesesakan berhampiran Melawati Mall

Penduduk rayu akses baharu ke Taman Melawati

UM 2/5/17
MS 27

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 MEI

KESESAKAN lalu lintas menghala masuk ke Taman Melawati daripada Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) semakin teruk sejak akhir-akhir ini terutama pada waktu puncak pagi dan petang.

Lebih teruk apabila susur ke kiri di kedua-dua laluan MMR2 daripada Gombak dan Ampang itu menjadi pertembungan kenderaan yang mahu keluar melalut susur kiri dan kanan sehingga menyekat aliran trafik.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melawati (Zon A, B dan C), Razman Hakim Abdullah berkata, pembangunan pesat di sekitar Taman Melati menimbulkan

kan rasa tidak selesa lebih 35,000 penduduk di beberapa buah taman perumahan berhampiran.

Katanya, terdapat tiga laluan akses keluar masuk ke Taman Melawati iaitu Jalan Taman Melawati serta persimpangan Jalan Bandar yang merupakan akses keluar masuk terus ke MRR2 dan terletak betul-betul berhadapan Melawati Mall di sini.

"Laluan lain seperti Jalan Kolam Air pula perlu melalui Kampung Klang Gate dan agak jauh dari kawasan perumahan penduduk.

"Kajian trafik perlu dilaksanakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) lebih-lebih lagi apa-

bila bangunan komersial itu dibuka nanti.

"Kesesakan trafik keluar masuk di Taman Melawati sama ada ke Taman Permata atau MRR2 kemungkinan lebih teruk selepas ini ekoran menjadi tumpuan orang ramai sekitar Gombak, Keramat dan Bukit Antarabangsa," katanya kepada pemberita ketika ditemui dalam Sambutan Hari Bumi MPAJ 2017 bersama penduduk Taman Melawati, di sini

hari ini. Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari ketika diminta mengulas mengenai isu tersebut berkata, laluan masuk utama ke Melawati



RAZMAN HAKIM ABDULLAH

Mall tidak melibatkan kawasan taman perumahan itu.

Ini kerana menurutnya, terdapat akses terus daripada MRR2 yang akan dilebarkan di bahagian kiri sebelum masuk ke Jalan Bandar.

"Laluan akses ke kompleks komersial itu daripada kawasan taman perumahan akan dibuka bagi kemudahan laluan penduduk.

"Bagaimanapun kini masih dalam peringkat penyusunan trafik termasuk mengecat garisan dan pemasangan papan tanda.

"Sebelum ini MPAJ dan pihak pemaju terlibat menaik taraf infrastruktur dengan memperkemaskan sebahagian jalan raya yang lengkap dengan laluan pejalan kaki, sistem perparitan, pencahayaan termasuk pumbukaan beberapa laluan baharu," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	TALIAN KHIDMAT
Muka Surat	26

 **TALIAN KHIDMAT**
um 2/5/17 m/s 26

SENARAI BALAI POLIS

Petaling Jaya	03-79662222
Bukit Aman	03-22662222
Damansara Utama	03-77222222
Dang Wangi	03-20702222
Shah Alam	03-55202222
Cheras	03-92842222
Sungai Buloh	03-61561222

LEMBAH KLANG

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	03-40244424
Majlis Bandaraya Shah Alam	03-55105133
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	03-79563544
Majlis Perbandaran Subang Jaya	03-80263102
Majlis Perbandaran Kajang	03-87370112
Majlis Perbandaran Selayang	03-61265800
Majlis Perbandaran Klang	03-33755555
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	03-42968000
Majlis Perbandaran Sepang	03-83190200
Majlis Daerah Kuala Selangor	03-32891439
Majlis Daerah Sabak Bernam	03-32241655
Majlis Daerah Hulu Selangor	03-60641331
Majlis Daerah Kuala Langat	03-31872825

NEGERI SEMBILAN

Majlis Perbandaran Seremban	06-7667500
Majlis Perbandaran Nilai	06-7989000
Majlis Perbandaran Port Dickson	06-6471335
Majlis Daerah Kuala Pilah	06-4812075
Majlis Daerah Jelebu	06-6136991
Majlis Daerah Jempol	06-4581233
Majlis Daerah Tampin	06-4411609
Majlis Daerah Rembau	06-6851144

MELAKA

Melaka 1 Number Call Centre	06-3333333
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	06-2859700
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	06-2323773
Majlis Perbandaran Alor Gajah	06-5563127
Majlis Perbandaran Jasin	06-5291245
Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka	06-2854222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah	06-5562222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin	06-5292222
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah	06-2842222
Hospital Melaka	06-2892344
Hospital Alor Gajah	06-5565333
Hospital Jasin	06-5294262



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	"PERANG' DUA GENG REMPLIT
Muka Surat	02

'PERANG' DUA GENG REMPLIT

■ 80 lelaki bersenjata topi keledar bergaduh selepas gagal selesai kemalangan kecil cara baik

Fardy Bunga
fardy@hmetro.com.my

Ampang

Berpunca kemalangan kecil yang gagal diselesaikan dengan cara baik menjadi punca sekumpulan kira-kira 80 lelaki bertempur dalam kejadian di Jalan Pandan Mewah berhampiran Hospital Ampang, di sini.

Dalam kejadian jam 3 pagi semalam, kedua-dua kumpulan penunggang motosikal terbabit turut bergaduh menggunakan topi keledar.

Malah berlaku adegan ganas apabila beberapa lelaki menunggang motosikal turut dikejar sekumpulan lelaki. Kejadian turut menyaksikan lebih 10 lelaki menendang beramai-ramai seorang lelaki yang terbaring di atas jalan raya.

Kejadian itu turut menjadi tular di media sosial apabila penduduk berhampiran lokasi kejadian turut sempat merakam insiden berkenaan.

Difahamkan, pergaduhan bermula apabila motosikal ditunggang dua individu daripada dua kumpulan berasingan itu berlanggar sesama sendiri ketika melalui jalan berkenaan.

Bagaimanapun, pertengkaran mulut antara mereka semakin 'panas' selepas rundingan berhubung kejadian kemalangan itu gagal menemui penyelesaian.

Difahamkan, kedua-dua penunggang motosikal



IMEJ daripada rakaman video menunjukkan sekumpulan lelaki bergaduh di Jalan Pandan Mewah.

tahun yang dipercayai pemilik kepada motosikal terbabit dalam kemalangan itu.

"Susulan penahanan itu, anggota polis turut memberkas seorang lagi lelaki yang cuba melarikan diri sambil memegang parang panjang.

"Anggota polis berjaya menahan suspek berusia 33 itu dan merampas parang panjang yang dipegangnya.

"Turut dirampas dua motosikal dalam kejadian itu," katanya.

Beliau berkata, semua tahanan dan motosikal yang dirampas dibawa ke Balai Polis Pandan Indah di sini, untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, siasatan lanjut masih dijalankan mengikut Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisian, Letupan Dan Senjata Berbahaya 1958 (ABKLSB)

“Anggota polis berjaya menahan suspek berusia 33 itu dan merampas parang panjang yang dipegangnya”
Hamzah

Ampang Jaya Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, anggota unit kereta peronda (MPV) polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang yang sedang melakukan rondaan terserempak dengan kumpulan yang sedang bergaduh itu.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 MEI 2017 (SELASA)

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	10 tahun derita banjir kilat
Muka Surat	18

Penduduk Taman Nirwana resah rumah ditenggelami air setiap kali hujan lebat

10 tahun derita banjir kilat

Kosmo 2/5/17 nr 18

Oleh NUR EMIRA SAIZALI

AMPANG JAYA – Lebih 120 penduduk Taman Nirwana di sini telah menderita selama lebih 10 tahun apabila kawasan perumahan mereka kerap dilanda banjir kilat hingga memusnahkan banyak harta benda.

Seorang Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Nirwana, Alan Ng, 33, berkata, perkara itu bukan masalah baharu bagi penduduk di sini namun aduan telah diajukan beberapa kali kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi menyelesaikan masalah itu masih tiada sebarang tindakan konkrit.

"Masalah banjir kilat semakin hari semakin serius kerana dalam kejadian terbaharu tiga hari lalu hampir tujuh buah rumah di kawasan ini digenangi air hingga ke paras lutut.

"Kami merayu pihak MPAJ agar dapat bertindak segera bagi mengatasi masalah yang menyusahkan dan merugikan penduduk taman ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi dialog bersama Ketua UMNO Bahagian Ampang Datuk Ismail Kijo di Dewan Taman Nirwana di sini semalam.

Sementara itu, seorang penduduk, Abdullah Hidayat Mohamad, 34, berkata, sejak berpindah ke taman itu tujuh tahun lalu, hampir setiap tahun rumahnya ditenggelami air sehingga menyebabkan dia menanggung



ISMAL (tiga dari kiri) meninjau kawasan sebuah padang permainan yang masih digenangi air akibat banjir kilat di Taman Nirwana, Ampang Jaya semalam.

banyak kerugian akibat kerosakan harta benda. "Kami (penduduk) susah hati untuk meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama terutamanya pada musim tengkujuh. Sekarang pula, kebiasaannya setiap petang berlaku hujan lebat.

"Apabila berlaku banjir kilat, kebiasaannya terdapat haiwan liar seperti ular dan biawak menyelinap ke dalam rumah, ini membahayakan keselamatan kami," ujarnya.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, banjir kilat sering berlaku di kawasan tersebut dipercayai berpunca daripada keadaan sistem longkang di sepanjang Jalan Ampang Putra yang gagal menampung limpahan air ketika hujan sekali gus menyebabkan jalan raya utama ditenggelami air.

Dalam pada itu, Ismail berkata, pihaknya berharap MPAJ dapat segera mengambil tindakan bagi menaik taraf longkang di kawasan perumahan tersebut selain menyelenggara sistem saliran dengan baik.

"Saya telah menyuarakan masalah ini kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan MPAJ untuk tindakan segera," katanya.

Tambah Ismail, Noh telah meminta beliau mengumpul maklumat penduduk yang terjejas akibat masalah banjir kilat baru-baru ini seperti jumlah kerugian akibat kerosakan harta benda.

"Bantuan atau sagu hati akan diberi kepada penduduk terbabit bagi meringankan beban mereka," ujarnya.



KEADAAN longkang yang kecil di Jalan Ampang Putra tidak mampu menampung air ketika hujan lebat.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor tak serius jaya program kitar semula
Muka Surat	12-13

Selasa, 2 Mei 2017 **BH**

Ms.12

→ HALAMAN KOTA

Fakta nombor

10 MOMEN
GERAI
jualan barangan terpakai

35,000
PENDUDUK
Jalan A,B C Taman Melawati, Hulu Klang



Penduduk Taman Melawati melakukan jualan barangan terpakai dalam usaha kempen kitar semula anjuran Persatuan Penduduk Taman Melawati Jalan A B C di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati, semalam.

Selangor tak serius jaya program kitar semula

➔ Penduduk Taman Melawati gesa MPAJ laksana pengasingan sisa pepejal

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

➔ Ampang

Kira-kira 35,000 penduduk Taman Melawati di Hulu Klang, kecewa dengan kerajaan Selangor yang didakwa gagal menangani masalah berkaitan pengasingan bahan untuk kitar semula serta kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Berikutan itu, mereka mendakwa kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak serius untuk menyelesaikan masalah berkaitan kebijakan rakyat.

Lebih mendukacitakan, penduduk mendakwa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memberi pelbagai alasan berhubung isu berkenaan termasuk menuduh penduduk belum bersedia untuk mematuhi peraturan pengasingan bahan buangan.

Justeru, mereka mendesak kerajaan negeri segera menyelesaikan masalah itu bagi mengelakkan isu yang lebih serius pada masa hadapan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati, Razman Hakim Abdullah, berkata dakwaan MPAJ itu memperlekehkan usaha penduduk yang memberi gambaran seolah-olah mereka tidak memperihikan alam sekitar.

MPAJ tak endah

"Sudah lama penduduk mengutarakan perkara ini kepada MPAJ tetapi tidak diendahkan," katanya ketika ditemui pada Hari Kelestarian Taman Melawati di sini, semalam.

Program julung kali diadakan itu turut membuka 10 gerai jualan barang lusuh dan kitar semula. Ia antara inisiatif Persatuan Penduduk

Taman Melawati yang bertujuan melestarikan alam sekitar dengan memanfaatkan penggunaan barang kitar semula.

Beliau mendakwa penduduk pernah meminta MPAJ menghantar pendidik terpacsa menggunakan keregang dan wang sendiri untuk menyayakan aktiviti kitar semula," katanya.

Razman Hakim berkata, program kitar semula sudah sebarati dengan penduduk Taman Melawati yang menitikberatkan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Malah, katanya, penduduk sanggup mengeluar wang sendiri untuk menyayakan aktiviti kitar semula.

Ini dibuktikan apabila lebih 90

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]



Persatuan penduduk terpaksa menggunakan keringat dan wang sendiri untuk menjayakan aktiviti kitar semula

Razman Hakim Abdullah,
Pengerusi Persatuan Penduduk Jalan A, B dan C Taman Melawati



Kempen kitar semula anjuran Persatuan Penduduk Taman Melawati di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melawati.

peratus daripada 35,000 penduduk Taman Melawati mahu MPAJ menguatkuasakan peraturan pengasingan sisa pepejal demi kelestarian alam sekitar.

"Kira-kira 75 peratus dari jumlah itu adalah warga tua dan mereka paling aktif dalam aktiviti berkenaan dan prihatin memelihara alam sekitar," katanya.

Aliran trafik kerap berubah

Mengenai kesesakan lalu lintas, Razman Hakim berkata, aliran trafik di kawasan itu sering berubah hingga menyebabkan penduduk keliru sehingga menimbulkan kesulitan kepada mereka.

Beliau mendakwa, kegagalan PBT dan pemaju menyediakan papan tanda untuk memaklumkan mengenai lelongan atau penutupan jalan menyebabkan keadaan trafik menjadi kelim-kabut. Katanya, banyak jalan dilencongkan

atau ditutup bagi memberi laluan kepada pembinaan kompleks beli-belah, bangunan pejabat dan projek pembetungan yang menyebabkan kesesakan serta kemalangan kecil yang berbahaya kepada penduduk terutama pelajar sekolah.

Antara jalan yang terjejas ialah Jalan Taman Melawati, Jalan Bandar dan Jalan Kolar Air. Ia turut menyebabkan kesesakan sehingga ke MRR2.

"Paling teruk pada sebelah petang terutama pada Selasa, Khamis dan Sabtu kerana ada pasar malam. Pada sebelah malam pula, laluan utama iaitu Jalan Taman Melawati ditutup bermula jam 8 malam hingga 6 pagi sehingga kami terpaksa menggunakan jalan lain," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Nor Hayati Haron, tidak memberi sebarang ulasan ketika dihubungi menerusi aplikasi WhatsApp.



Pelbagai barangan terpakai dijual oleh penduduk yang menjayakan program kitar semula.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Masih tunggu 'khabar gembira'
Muka Surat	40

Masih tunggu 'khabar gembira'

Harap permohonan bantuan dana diluluskan untuk baik pulih Masjid Al-Azim *9/5/17 N/S 40*

PANDAN INDAH - "Pihak masjid berhadapan kesukaran untuk mendapatkan dana menaik taraf masjid," kata Nazir Masjid Al Azim Pandan Indah, Mohd Azmi Anuar.

Beliau berkata, pihaknya hanya berharap kepada bantuan dana Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), selain sumbangan ikhlas individu.

Katanya, pihak syarikat swasta juga masih kurang menghulurkan sumbangan bantuan dan pihaknya perlu mengeluarkan dana hasil derma orang ramai untuk melaksanakan kerja membaik pulih masjid secara kecil-kecilan.

"Kita dah hantar permohonan bantuan dana kepada beberapa buah syarikat di Selangor, Exco dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Sekarang, kita masih menunggu dan berharap ada khabar berita baik daripada mereka," katanya.

Mohd Azmi berkata, Masjid

Al-Azim Pandan Indah juga memerlukan dana kira-kira RM500,000 bagi kerja membaik pulih sistem pendawaian, bumbung, pagar dan parkir kenderaan awam.

"Keadaan bumbung masjid bocor, kos untuk membaikinya secara keseluruhannya dianggarkan RM300,000.

"Tapak parkir sedia ada untuk jemaah sudah pecah dan berlubang, manakala sistem pendawaian pula sudah rosak. Bila hujan pasti bekalan elektrik akan terputus.

"Kita juga perlu menaik taraf pagar dawai kepada batu agar ia lebih kukuh dan tahan lama," katanya.

Mohd Azmi berkata, Jais turut menyediakan kontraktor bagi kerja-kerja membaik pulih pagar sedia ada.

"Pihak pengurusan masjid per-



MOHD AZMI


lu menyediakan kertas kerja berserta dengan sebut harga untuk pelaksanaan projek baik pulih itu, sebelum diserahkan kepada Jais.

"Lembaga Zakat Selangor pula pernah memberi peruntukan kewangan untuk membeli karpet di masjid ini," katanya.

Masjid ini dibuka sejak 13 tahun lalu dan ia dapat menampung kapasiti jemaah seramai 5,000 orang pada satu-satu masa.

Kemudahan yang ada di masjid ini ialah dewan solat lelaki dan perempuan, kemudahan internet percuma, sistem penghawa dingin, bilik mesyuarat, bazar untuk disewa, kelas serta dewan pengajian.

Keistimewaan masjid ini ialah ia menjadi tumpuan penduduk di sekitar kerana mempunyai pelbagai bazar serta tapak kedai yang disewa pada Jumaat.



Masjid Al-Azim Pandan Indah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Anjur program aktiviti untuk cari dana
Muka Surat	40

Anjur program, aktiviti untuk cari dana

AMPANG - Pihak pengurusan masjid dan surau perlu memperbanyakkan penganjuran program dan mempelbagaikan aktiviti sebagai alternatif untuk membantu mencari dana bagi menampung kerja pembangunan atau menaik taraf masjid dan surau.

Bekas penasihat pengurusan sebuah masjid di Ampang, Che Yusof Che Mat berkata, difahamkan sebelum ini ada dakwaan terdapat segelintir pihak pengurusan masjid berhadapan kesukaran untuk memohon dana peruntukan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Pihak pengurusan perlu mengikut serta mematuhi syarat garis panduan yang ditetapkan oleh Jais.

"Selain itu, peranan masjid hari ini tidak lagi terbatas sebagai tempat beribadat sebaliknya mampu mencari dana dengan pelbagai program yang dilaksanakan," katanya.

Katanya, sebahagian pengurusan masjid menubuhkan koperasi bagi membantu menyediakan khidmat pengurusan kewangan.

"Fungsi masjid kini sebagai tempat ibadat dan pusat penggerak ekonomi umat Islam melalui penubuhan koperasi kariah masjid itu," katanya.

Beliau berkata, ada juga masjid yang menyediakan ruang atau premis yang diwujudkan dalam kawasan masjid untuk ahli kariah menjalankan perniagaan.

Katanya, hasil sewa tapak dan premis itu boleh membantu meningkatkan lagi dana menaik taraf masjid berkenaan.

Che Yusof berkata, pihak pengurusan surau pula hanya bergantung pada derma orang ramai.

"Selain tabung kutip dana besarkan kapasiti surau untuk menampung jumlah jemaah, sumbangan orang ramai berkemungkinan akan meningkat apabila surau tersebut dinaik taraf menjadi Surau Jumaat," katanya.



CHE YUSOF